



**Kementerian Kewangan telah serahkan
kebenaran memulakan kerja awalan untuk projek
membaik pulih sekolah daif di Sarawak pada 5 Ogos 2019
kepada Kementerian Pendidikan sebelum bayaran
RM350 juta pada 8 Ogos 2019 oleh kerajaan negeri
Sarawak**

**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
YB TUAN LIM GUAN ENG**

**KEMENTERIAN KEWANGAN TELAH SERAHKAN KEBENARAN MEMULAKAN KERJA AWALAN UNTUK
PROJEK MEMBAIK PULIH SEKOLAH DAIF DI SARAWAK PADA 5 OGOS 2019 KEPADA KEMENTERIAN
PENDIDIKAN SEBELUM BAYARAN RM350 JUTA PADA 8 OGOS 2019 OLEH KERAJAAN NEGERI SARAWAK**

Merujuk kepada kenyataan YAB Datuk Patinggi (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Ketua Menteri Negeri Sarawak, seperti dilaporkan dalam media pada 25 Ogos 2019, harus ditegaskan bahawa proses pelaksanaan projek pembaikpulihan sekolah daif di Sarawak telah bermula dengan kadar segera sejak 5 Ogos 2019.

Maka, kenyataan YAB Ketua Menteri Sarawak yang mendakwa bahawa Menteri Kewangan menyatakan jawatankuasa perlu ditubuhkan adalah tidak benar dan amatlah dikesali, kerana penubuhan 4 Jawatankuasa Khas di peringkat Kerajaan Persekutuan bagi pelaksanaan dan pemantauan projek ini telah dibuat dan mula dilaksanakan sejak 19 Mac 2019. Kenyataan beliau tersebut amat mengecewakan kerana ia menidakkan usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan dan menyegerakan projek membaik pulih sekolah daif di Sarawak, dengan mengambil kira permohonan dan keperluan Kerajaan Negeri Sarawak.

Malah, walaupun bayaran balik hutang daripada Kerajaan Negeri Sarawak berjumlah hampir RM 350 juta hanya diterima pada 8 Ogos 2019, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan surat pada 5 Ogos 2019 untuk membenarkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan kerja awalan bagi pelaksanaan projek membaik pulih sekolah daif di Sarawak. Selanjutnya, pada 14 Ogos 2019, Kementerian Kewangan telah sekali lagi mengeluarkan surat kepada KPM memaklumkan bayaran oleh Kerajaan Negeri Sarawak telah diterima dan meminta KPM untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan pelaksanaan fasa pertama projek membaik pulih sekolah daif di Sarawak dapat disegerakan.

Kerajaan Persekutuan juga telah membuat pengecualian dalam meluluskan permohonan Kerajaan Negeri Sarawak supaya pelaksanaan projek membaik pulih sekolah daif dipantau oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak dan supaya diberi keutamaan kepada kontraktor tempatan yang beroperasi di Sarawak. Tambahan, pemilihan sekolah daif untuk dibaik pulih mengambil kira keutamaan Kerajaan Negeri Sarawak.

Susulan itu, KPM telah mengeluarkan Surat Kuasa Pelaksanaan Projek kepada pihak Ketua Pengarah Kerja Raya bagi membolehkan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak memulakan kerja-kerja awalan dengan kadar segera. JKR Sarawak juga telah mengenal pasti 7 buah sekolah yang dapat diiklankan tender pada 26 Ogos 2019 manakala baki 30 projek lagi dijangka akan ditender pada penghujung Oktober 2019.

Seperti yang diumumkan dalam Siaran Media Kementerian Kewangan bertarikh 22 Julai 2019, Kerajaan Persekutuan komited untuk menyegerakan proses perolehan dan perbelanjaan sehingga RM350 juta untuk fasa pertama projek membaik pulih sekolah daif di Sarawak sebaik sahaja Kerajaan Negeri Sarawak membuat bayaran balik hutang.

Kementerian Kewangan ingin menjelaskan bahawa cadangan Kerajaan Negeri Sarawak menggunakan bayaran balik pinjaman untuk membaik pulih sekolah daif, sebenarnya adalah wang pendahuluan Kerajaan Persekutuan kerana melibatkan penggunaan dana yang dipinjamkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak sebelum ini. Jika disifatkan sebagai bayaran balik pinjaman kepada Kerajaan Persekutuan, ianya bermaksud dana RM1 bilion atau RM 350 juta tersebut sebenarnya merupakan wang milik Kerajaan Persekutuan sendiri, yang digunakan untuk membaik pulih sekolah daif di Sarawak.

Kerajaan Negeri Sarawak seharusnya sedar bahawa proses pelaksanaan projek ini perlu mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Kerajaan Negeri Sarawak juga sepatutnya mendapatkan maklumat yang tepat sebelum mengeluarkan sebarang kenyataan dan tidak seharusnya membuat tuduhan melulu yang tidak berasas agar tidak mengelirukan rakyat. Oleh itu, adalah tidak benar dakwaan Kerajaan Negeri Sarawak bahawa pihak Kerajaan Persekutuan lambat dalam menguruskan proses pembaikan sekolah daif di Sarawak kerana hakikat keadaan ini adalah sebaliknya.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng

Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
26 Ogos 2019